

17/07/1999

Y2K tidak ganggu industri penerbangan

SUBANG, Jumaat - Lapangan terbang di seluruh dunia akan tetap beroperasi menjelang peralihan alaf baru kerana industri penerbangan pada dasarnya sudah bersedia menghadapi segala kemungkinan akibat masalah tahun 2000 (Y2K).

Presiden Majlis Lapangan Terbang Antarabangsa Rantau Pasifik (ACI-Pasifik), George Bellew, berkata kebimbangan mengenai keselamatan sektor penerbangan tidak berasas kerana pihak industri, termasuk syarikat penerbangan sudah mengambil langkah perlu untuk menghadapi cabaran teknologi maklumat itu.

Katanya, pihak industri juga sudah membelanjakan sejumlah wang yang besar bagi mengatasi masalah Y2K itu dan kebanyakan lapangan terbang sudah mengadakan ujian simulasi bagi menilai persediaan dibuat.

"Sudah banyak perkara dilakukan bagi mengatasi masalah Y2K ini, tetapi saya percaya tidak banyak yang dilakukan untuk menangani kebimbangan awam," katanya pada sidang akhbar mengenai Persidangan dan Perhimpunan Serantau ACI Pasifik, di sini hari ini.

Hadir sama Pengarah Urusan Malaysia Airports Berhad (MAB), Datuk Khairuddin Ibrahim; Pengarah Eksekutif MAB, Adnan Shamsudin dan Pentadbir Serantau ACI-Pacific, Laura Daley.

Bellew berkata, walaupun sektor penerbangan mempunyai rekod keselamatan jauh lebih baik berbanding sektor pengangkutan darat, ia masih menerima tanggapan negatif.

"Kejayaan menghadapi cabaran Y2K bukan diukur dengan kempen semata-mata, tetapi keupayaan sesuatu sektor untuk beroperasi seperti biasa," katanya sambil merujuk keputusan sektor perbankan negara untuk menghentikan operasi selama tiga hari mulai 31 Disember depan.

Beliau berkata, sebagai langkah tambahan menghadapi alaf baru, pihaknya sedang merangka mekanisma yang membolehkan negara di sebelah Timur, termasuk New Zealand menyebarkan pengalaman dilalui kepada negara lain dengan serta merta.

Katanya, perbezaan zon masa membolehkan Malaysia mendapat maklumat atau amaran awal berhubung sebarang kemungkinan daripada New Zealand sekurang-kurangnya empat jam sebelum memasuki alaf baru.

Sementara itu, Khairuddin berkata Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) akan mencapai pematuhan Y2K sepenuhnya menjelang September depan dan ujian simulasi bersepadu akan dilakukan.

Katanya, KLIA tidak menghadapi masalah besar dalam usaha mencapai pematuhan itu kerana pembangunan lapangan terbang yang serba canggih itu sudah mengambil kira masalah Y2K.

Menurutnya, pelan kecemasan juga sudah dirangka untuk menghadapi sebarang kemungkinan seandainya usaha yang diambil tidak cukup untuk memastikan semua operasi penerbangan berjalan seperti biasa.

"Pada masa ini kita sudah hampir mencapai sasaran serta menjalankan ujian simulasi secara berperingkat-peringkat," katanya.

Persidangan dan perhimpunan yang bertemakan 'Lapangan Terbang Generasi Baru' itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ahad ini.

Seramai 20 pakar sektor penerbangan termasuk pereka KLIA, Kisho Kurokawa, akan menyampaikan ceramah sepanjang tiga hari persidangan itu berlangsung di Sunway Lagoon Resort Hotel.

(END)

